

JABATAN KEHAKIMAN  
MAHKAMAH TINGGI  
KUALA LUMPUR

Tel. 924155

Bil: (112) dlm. JK/IP 39/54-A

Tarikh: 18hb. Mei, 1983

Semua Penolong Kanan Pendaftar;  
Semua Yang Di Pertua;  
Semua Mejistret;  
SEMENANJUNG MALAYSIA

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar Bil. A 4/83

Membayar Denda Yang Dikenakan Oleh Mahkamah Dengan Secara Beransuran

Sekarang ini didapati amalan di mana yang disabit dikenakan hukuman denda dan dibenarkan membayar denda tersebut dengan secara beransuran dalam tempoh masa yang tertentu. Seterusnya sering berlaku dimana yang disabit tidak kembali untuk menyelesaikan pembayaran denda. Apabila disiasat didapati yang disabit tidak berada di alamat yang diberi atau pun ia telah berpindah tanpa memberitahu Pejabat Pendaftaran. Oleh kerana itu pembayaran denda tidak selesai dan perkara ini berpanjangan. Apa-apa waran tangkap dikeluarkan tidak berhasil.

2. Untuk mengelakkan perkara ini berpanjangan dan berakhir dengan soalan daripada pihak odit, maka daripada tarikh keluarnya pekeling ini, tuan/puan diminta jangan membenarkan bayaran denda secara beransuran.

t.t. Noor Azian bte Shaari

Pem. Ketua Pendaftar,  
Jabatan Kehakiman Malaysia,  
Mahkamah Persekutuan,  
Kuala Lumpur.